

Utusan Malaysia Jun 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	3 Jun 2018	Wang tunai, kenderaan mewah RM5 juta dirampas Beberapa individu termasuk pegawai Kanan NRRET diburu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	5 Jun 2018	Skandal baharu didedahkan	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	5
3.	5 Jun 2018	SPRM serbu menara DBKL, rampas 8 troli dokumen	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
4.	6 Jun 2018	Rosmah beri keterangan lima jam kepada SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
5.	6 Jun 2018	Perlombagaan pentadbiran Nafas digantung Turut tamatkan monopoli Bernas	Perlombagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas)	11
6.	7 Jun 2018	SRC International: SPRM cari dua individu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
7.	7 Jun 2018	SPRM cari Jho Low, Nik Faisal Ariff Kamil	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
8.	8 Jun 2018	Jho Low, Nik Faisal mesti hadir bantu siasatan tanpa alasan	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Azam	15
9.	10 Jun 2018	Taman Ilmu: Laporan polis pula dibuat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
10.	12 Jun 2018	Peguam Negara terima kertas siasatan 1MDB	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).	19
11.	13 Jun 2018	Jho Low sedia bertemu pasukan petugas siasatan 1MDB di Dubai	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	20
12.	18 Jun 2018	Bazar Ramadan: SPRM perlu siasat hingga ke lubang cacing	Ketua Pemuda PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	22
13.	19 Jun 2018	Lagi laporan minta SPRM siasat skandal tapak bazar Ramadan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya.	24
14.	20 Jun 2018	Mengapa baru timbul isu dana pinjaman PTPTN? - Idris Ahmad	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	26
15.	20 Jun 2018	Kabinet tubuh jawatankuasa siasat isu monopoli di tiga kementerian	Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad	28
16.	21 Jun 2018	Dijel 36 bulan, denda	Bekas Pengarah Perhutanan Terengganu, Datuk Azmi Nordin	29
17.	22 Jun 2018	'Saya tidak harus dipersalah dalam kes 1MDB'	Mantan perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak	31

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
18.	29 Jun 2018	Pengarah syarikat direman lima hari berhubung projek tenaga solar di Sarawak	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32
19.	29 Jun 2018	Kementerian Kesihatan semak rekod kontraktor	Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad	34
20.	30 Jun 2018	Pembekuan akaun UMNO sehingga siasatan 1MDB selesai	Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad	36

3 Jun 2018

1. Wang tunai, kenderaan mewah RM5 juta dirampas

Beberapa individu termasuk pegawai kanan NRRET diburu



MOTOSIKAL berkuasa tinggi dan kereta mewah antara kenderaan yang dirampas di sebuah bengkel di Subang Jaya, Selangor, kelmarin.

KUALA LUMPUR 2 Jun - Beberapa individu sedang diburu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penahanan dua pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama wang tunai RM1.75 juta dan lebih 10 kenderaan mewah bernilai hampir RM3 juta dalam operasi yang bermula kelmarin hingga semalam.

Menurut sumber, kesemua individu yang diburu terdiri daripada orang awam dan seorang pegawai kanan Pasukan Penguat Kuasa Pemulihan Hasil Negara (NRRET).

Ujarnya, kesemua mereka dipercayai berperanan sebagai proksi bagi kesemua kenderaan mewah yang dirampas daripada pegawai kanan PDRM yang ditahan.

"SPRM cari mereka termasuk pegawai dari dua agensi berkenaan untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan.

"Sehingga kini tiga saksi termasuk pegawai kanan PDRM telah diambil keterangan dan sekiranya ada keperluan, mereka akan ditahan," katanya kepada Mingguan Malaysia di sini hari ini.

Tambah sumber, ketika tangkapan dilakukan, selain menemukan sejumlah wang tunai yang diletakkan di sebuah bengkel di Subang Jaya, pelbagai kenderaan mewah turut dirampas.

"Beberapa lagi kenderaan mewah juga dikesan telah diletakkan oleh suspek di beberapa kawasan tempat letak kereta sekitar Bangsar di sini bagi mengaburi pihak berkuasa," jelasnya.

Kelmarin, dua pegawai kanan yang berkhidmat dalam Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) Bukit Aman, masing-masing berpangkat Asisten Komisioner dan Asisten Superintenden telah ditahan.

Dalam serbuan tersebut, SPRM turut merampas sejumlah wang bernilai RM335,000 di bengkel tersebut.

Kedua-dua pegawai kanan tersebut kemudian dibawa ke kondominium milik mereka sebelum menemukan sejumlah wang bernilai RM520,000.

Selepas itu, kedua-dua mereka kemudiannya dibawa ke STAGG di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur untuk pemeriksaan lanjut dan menemukan wang dianggarkan lebih RM225,000 dan sejumlah lagi wang tunai di sebuah bengkel mengecat kereta.

Difahamkan, kesemua wang tersebut dipercayai diperoleh daripada sindiket-sindiket judi.

Dalam pada itu Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki mengesahkan dua pegawai STAGG Bukit Aman yang ditahan telah direman selama empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

5 Jun 2018

2. Skandal baharu didedahkan



GUAN ENG menerima cek sumbangan Matrix Concepts Holdings Berhad untuk Tabung Harapan Malaysia (THM) dari Pengarah Urusannya, Datuk Lee Tian Hock dalam satu majlis di Putrajaya, hari ini.

PUTRAJAYA 5 Jun - Kementerian Kewangan hari ini mendedahkan satu lagi skandal didakwa berhubung kait dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta Low Taek Jho atau Jho Low melibatkan syarikat Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. (SSER) dengan nilai sebanyak RM9.4 bilion.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, SSER merupakan anak syarikat Kementerian Kewangan yang ditubuhkan pada 19 Mei 2016 untuk tujuan menjalankan dua projek berasingan iaitu Multi-Product Pipeline (MPP) dan Trans-Sabah Gas Pipeline (TSGP) yang mana kedua-dua projek telah diluluskan Kabinet pada 27 Julai 2016.

Katanya, jumlah yang sudah dibayar oleh kerajaan pada waktu itu adalah sebanyak RM8.25 bilion iaitu 87.8 peratus daripada nilai keseluruhan projek berbanding purata kemajuan kerja sebanyak 13 peratus di mana projek tersebut perlu disiapkan dalam masa dua tahun lagi.

"Kami mendapat tahu yang hampir keseluruhan jadual pembayaran bagi kedua-dua kontrak berdasarkan pencapaian masa (timeline milestone) dan bukannya berdasarkan kemajuan kerja secara progresif.

"Yang lagi memburukkan, 85 peratus daripada nilai projek-projek ini perlu dibayar pada 1 Mac lalu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menerima sumbangan Matrix Concepts Holdings Berhad sebanyak RM3 juta untuk Tabung Harapan Malaysia (THM) yang diwakili Pengarah Urusannya, Datuk Lee Tian Hock.

Jumlah kutipan THM setakat pukul 1 petang adalah sebanyak RM35.3 juta.

Sementara itu, Guan Eng berkata, beliau telah mengarahkan pegawainya membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada minggu lalu dan skandal berkenaan telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya juga ingin menjemput bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menerangkan mengapa dan bagaimana transaksi-transaksi berkaitan SSER dibenarkan beliau," katanya.

Dalam pada itu, Guan Eng menambah, kerajaan tidak bercadang untuk menambat nilai ringgit.

5 Jun 2018

3. SPRM serbu menara DBKL, rampas 8 troli dokumen



Dua anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat menolak dua dari lapan troli dokumen yang dirampas SPRM dari Menara 1 Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hari ini. Beberapa anggota SPRM juga turut dilihat keluar dari Ibu Pejabat DBKL kira-kira jam 4 petang.

KUALA LUMPUR 5 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini telah menyerbu Menara 1 bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan merampas kira-kira lapan troli dokumen yang dipercayai berkaitan dengan penjualan

64 bidang tanah oleh DBKL antara tahun 2014 dan 2018.



Seorang anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilihat menutup pintu belakang trak SPRM yang penuh dengan dokumen yang dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari Menara 1 Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hari ini. Beberapa

anggota SPRM juga turut dilihat keluar dari Ibu Pejabat DBKL kira-kira jam 4 petang.

Berdasarkan gambar yang disiarkan oleh Bernama, anggota SPRM dilihat telah mengangkat dokumen-dokumen yang dirampas tersebut yang dimuatkan dalam sebuah lori.

Beberapa anggota SPRM juga turut dilihat keluar dari Ibu Pejabat DBKL kira-kira pukul 4 petang.

6 Jun 2018

4. Rosmah beri keterangan lima jam kepada SPRM

Rosmah Mansor tiba di Ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya, semalam, bagi memberi keterangan kes SRC International Sdn. Bhd. Utusan

Beliau yang tiba pada pukul 10.45 pagi beredar meninggalkan premis berkenaan pada pukul 3.45 petang selepas selesai memberikan keterangan berhubung siasatan kes SRC International iaitu anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SRC International adalah anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan diletakkan di bawah Kementerian Kewangan pada 2012.

Pada 26 Jan 2016, bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali mengesahkan bahawa tiada sebarang kesalahan jenayah dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkaitan kes melibatkan dana RM2.6 bilion dan SRC International Sdn. Bhd.

Rosmah yang tidak memberikan sebarang kenyataan kepada petugas media hanya melemparkan senyuman dan terus menaiki kereta Mercedes Benz berwarna perak dengan plat pendaftaran WQF 11.

Beliau dipercayai terus pulang ke kediamannya di Jalan Langak Duta, Kuala Lumpur.

Kehadiran Rosmah dengan memakai baju kurung biru merah, berselendang merah dan membawa beg tangan merah berjenama Versace turut mencuri tumpuan para jurufoto.

Jumaat lalu, SPRM mengeluarkan notis memerintahkan Rosmah hadir ke ibu pejabat SPRM bagi memberi keterangan dan ia diserahkan di kediamannya pada pukul 4 petang.

Turut menemani beliau ialah anak perempuanya, Nooryana Najwa Najib dan suaminya, Daniyar Kessibayev serta dua peguam, Datuk K. Kumaraendran dan Datuk Geethan Ram Vincent.

Bagaimanapun, Nooryana Najwa dan suaminya dilihat meninggalkan ibu pejabat SPRM lebih awal iaitu pada pukul 11.40 pagi dan kemudian datang semula selepas Rosmah selesai memberi keterangan.

Kumaraendran ketika bercakap kepada pemberita berkata, anak guamnya selesai memberi keterangan kepada SPRM dan Rosmah memberi kerjasama penuh kepada suruhanjaya itu bagi membantu siasatan kes SRC International Sdn. Bhd.

5. Perlembagaan pentadbiran Nafas digantung**Turut tamatkan monopoli Bernas****Salahuddin Ayub**

PUTRAJAYA 6 Jun - Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) digantung berkuatkuasa 1 Jun lalu setelah didapati berlaku permasalahan serius dalam urus tadbir dan ketirisan melibatkan barisan kepimpinan agensi tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub berkata, pergantungan selama tiga bulan itu membolehkan siasatan dibuat ke atas Nafas oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis.

Salahuddin berkata, Pendaftar Pertubuhan Peladang (PP) telah mengeluarkan perintah penggantungan ke atas Nafas susulan satu laporan pengurusan audit yang dilakukan pada 26 Mac 2018.

"Nafas merupakan agensi pertama di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dikenakan tindakan serius (penggantungan).

"Laporan Pendaftar PP mendapati Nafas menghadapi masalah serius dalam tadbir urusnya terutama dari aspek kompetensi, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam barisan kepimpinan Ahli Jemaah Pengarah dan pengurusannya," katanya pada sidang akhbar, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Salahuddin berkata, penggantungan itu tidak menjejasikan operasi dan 770 kakitangan Nafas sebaliknya hanya kuasa dan pentadbiran pengurusan atasan digantung.

"Dalam tempoh pergantungan, Pendaftar PP telah melantik Pentadbir di bawah Seksyen 23 Akta 109 untuk menguruskan hal ehwal Nafas. Pada masa sama semua kelemahan yang dikenalpasti akan ditambahbaik dan sistem kerja yang mantap akan diwujudkan.

"Ini kita anggap sebagai sampah sarap dalam kementerian kita, dengan penggantungan ini pihak Pendaftar PP boleh lakukan kerja sepertimana dipertanggungjawabkan selain kembali Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kepada landsan asal dan keuntungan agensi dapat dimanfaatkan," katanya.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, Jemaah Menteri turut bersetuju untuk menamatkan monopoli Padi dan Beras Nasional (Bernas) untuk menjaga kepentingan pengeluar padi tempatan.

"Kita akan menjadikan Indonesia sebagai model untuk menstrukturkan semula Bernas," katanya.

7 Jun 2018

6. SRC International: SPRM cari dua individu

KUALA LUMPUR 6 Jun - Dua lelaki yang seorang daripadanya merupakan pemilik sebuah syarikat pengurup wang sedang diburu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan skandal SRC International Sdn. Bhd.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki tersebut, Mohamed Redzuan Adamshah, 43, dan Toh Lean Seng, 45, telah melarikan ke luar negara sejak siasatan berkenaan dibuka pada 2015.

"SPRM sebelum ini ada menghubungi kedua-dua lelaki itu bagaimanapun mereka gagal dikesan memandangkan syarikat pengurup wang tersebut tidak lagi beroperasi sejak 2005," katanya.

Sementara itu, SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, Mohamed Redzuan yang memegang kad pengenalan 750204-07-5323 mempunyai alamat terakhir di No 1E, Cresent Court Apartmen, Tingkat 1, Lengkok Tun Sambathan, Brickfields, 50470, Kuala Lumpur.

Ujarnya, Lean Seng yang memegang kad pengenalan 730904-07-5131 pula beralamat terakhir di 15-1, 231 TR Service Apartmen 231, Jalan Tun Razak, 50490, Kuala Lumpur.

"Sehubungan itu, orang ramai yang mengenali atau mempunyai maklumat mengenai dua individu itu boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Rosli Husain di talian 03-8870 0529 atau 010-3187757 atau email kepada roslihusain@sprm.gov.my," katanya.

Sebelum ini, pada 22 dan 24 Mei lalu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah dipanggil sebanyak dua kali oleh SPRM untuk memberi keterangan berhubung kes SRC International.

7 Jun 2018

7. SPRM cari Jho Low, Nik Faisal Ariff Kamil

KUALA LUMPUR 7 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta dua individu tampil bagi membantu siasatan kes berkaitan SRC International Sdn. Bhd. (SRC).

Suruhanjaya itu dalam kenyataannya di sini berkata, dua individu tersebut ialah Pengarah SRC, Nik Faisal Ariff Kamil Nik Othman Arif Kamil, 47, dan ahli perniagaan, Low Taek Jho, 37, yang dikenali sebagai Jho Low.

"Nik Faisal yang memiliki kad pengenalan bernombor 710304-10-6303 mempunyai alamat terakhir di No 17, Jalan Tun Teja 35/16, Alam Impian, Shah Alam Selangor dan No 19, Jalan Tun Teja 35/16, Alam Impian, Shah Alam Selangor.

"Manakala, Jho Low pula memiliki kad pengenalan bernombor 811104-07-5701 mempunyai alamat terakhir di 69, Tanjung Bungah Park, Tanjung Bungah, Pulau Pinang," katanya.

Menurut suruhanjaya itu, sesiapa yang mengenali atau mempunyai maklumat mengenai dua individu terbabit boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Penolong Kanan Pesuruhjaya Rosli Husain di talian 03-8870 0529 atau 010-3187757 atau email kepada roslihusain@sprm.gov.my.

8. Jho Low, Nik Faisal mesti hadir bantu siasatan tanpa alasan**Jho Lo**

KUALA LUMPUR 8 Jun - Low Taek Jho atau Jho Low dan Pengarah SRC International Sdn Bhd (SRC International) Nik Faisal Ariff Kamil Nik Othman Arif Kamil bakal berhadapan tindakan undang-undang jika mereka gagal hadir membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Azam Baki berkata tiada alasan untuk mereka tidak hadir membantu siasatan kes berkaitan SRC International.

"Saya tidak mahu mengulas tentang tindakan apa yang akan dikenakan terhadap kedua-dua mereka (Jho Low dan Nik Faisal sekiranya tidak hadir), apa yang saya tahu mereka mesti hadir tanpa memberi sebarang alasan.

"Oleh itu, SPRM menggesa mereka untuk hadir membantu siasatan kes berkenaan," katanya kepada Bernama hari ini.

Semalam, SPRM mengeluarkan kenyataan bahawa kedua-dua mereka dikehendaki hadir dan diminta tampil segera menghubungi SPRM bagi membantu siasatan kes berkenaan.


Nik Faisal Ariff Kamil, 47, yang memiliki kad pengenalan bermnobor 710304-10-6303 mempunyai alamat terakhir di No 17, Jalan Tun Teja 35/16, Alam Impian, Shah Alam, Selangor dan No 19, Jalan Tun Teja 35/16, Alam Impian, Shah Alam, Selangor.

Jho Low, 37, yang memiliki kad pengenalan bermnobor 811104-07-5701 pula mempunyai alamat terakhir di 69, Tanjung Bungah Park, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

Sebelum ini, Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Siasatan 1MDB untuk menjalankan siasatan terperinci, pengesanan dan penyitaan aset serta pendakwaan terhadap individu yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah dalam pengurusan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

SRC International ialah anak syarikat 1MDB, sehingga ia diletakkan di bawah Kementerian Kewangan pada 2012.

10 Jun 2018

9. Taman Ilmu: Laporan polis pula dibuat

Raja Kamarul Bahrin Shah (tengah) bersama Pengarah AJS Resources menunjukkan salinan laporan polis berhubung projek Taman Ilmu dalam sidang akhbar di Kuala Terengganu, hari ini

KUALA TERENGGANU 10 Jun - Seorang kontraktor hari ini membuat laporan polis berhubung Projek Pembangunan Taman Ilmu di Tembila, Besut yang kemungkinan mempunyai unsur-unsur penyalahgunaan kuasa dan rasuah berkait bayaran saman sebanyak RM45 juta kepada kontraktor utama.

Abdul Jalil Mustaffa, 54 yang merupakan pengarah syarikat AJS Resources Sdn. Bhd. membuat laporan itu pada pukul 10.17 pagi di Ibu Pejabat Polis Kuala Terengganu dengan ditemani Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad.

Abdul Jalil memberitahu, pembayaran penyelesaian saman pada 2016 sebanyak RM45 juta telah dibuat oleh kerajaan negeri kepada kontraktor utama tetapi sehingga kini kalangan subkontraktor belum mendapat apa-apa bayaran.

"Saya membuat laporan polis agar perkara ini dapat disiasat secara menyeluruh kerana saya sendiri telah membelanjakan lebih RM2 juta bagi menjalankan kerja-kerja awal projek tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Raja Kamarul Bahrin mempersoalkan mengapa kerajaan negeri ingkar mematuhi perintah persetujuan bersama di antara Syarikat Posc-Ti Sdn. Bhd. untuk bersetuju mengeluarkan 'surat niat' bagi melantik 17 pemborong (kontraktor) yang disenaraikan bagi menjalankan kerja baik pulih.

Katanya, sehingga hari ini surat tersebut tidak dikeluarkan sehingga memaksa enam daripada 17 kontraktor itu pula mengemukakan tuntutan saman sebanyak RM27.8 juta Februari lalu.

Pada 27 Mei lalu, Raja Kamarul Bahrin telah mengemuka aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat projek Taman Ilmu yang kemungkinan berlaku unsur penyalahgunaan wang kerajaan setelah terus berdepan dengan kemelut.

Tindakan itu dibuat apabila yang bermula sejak 14 tahun projek yang menelan kos awal lebih RM300 juta itu bermula tidak disiapkan spenuhnya manakala premis sedia ada berdepan kerosakan teruk manakala kerajaan negeri terus terdedah dengan tindakan saman oleh pelbagai pihak.

Selain enam syarikat itu, sebuah lagi syarikat dari Korea turut mengemukakan tindakan saman pada 31 Mei lalu.

12 Jun 2018

10. Peguam Negara terima kertas siasatan 1MDB

PUTRAJAYA 12 Jun - Jabatan Peguam Negara pada petang ini telah menerima kertas siasatan berkaitan dengan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peguam Negara, Tommy Thomas berkata, jabatan itu memerlukan sedikit masa untuk meneliti kertas siasatan tersebut namun mengambil maklum akan keperluan untuk meneliti perkara tersebut dengan kadar segera.

"Bagi memastikan tugas ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, saya telah menubuahkan satu pasukan untuk mengkaji kertas siasatan tersebut dengan tujuan untuk memulakan pendakwaan jenayah, jika ada, dan satu lagi pasukan lain untuk mengkaji dari sudut prosiding guaman yang berkenaan.

"Pegawai-pegawai yang akan menganggotai kedua-dua pasukan ini adalah terdiri daripada Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam-Peguam Kanan Persekutuan yang berpengalaman yang akan melaporkan hasil kajian mereka secara terus kepada saya," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Tommy menjelaskan, beliau juga telah menandatangani permohonan untuk bantuan bersama dalam perkara jenayah daripada Switzerland, Amerika Syarikat, Perancis dan Emiriyah Arab

Bersatu.

"Saya berharap agar dapat mengambil tindakan lanjut serta menjalin kerjasama dengan pihak mereka," katanya

11. Jho Low sedia bertemu pasukan petugas siasatan 1MDB di Dubai



Jho Low

KUALA LUMPUR 13 Jun - Ahli perniagaan, Low Taek Jho atau lebih dikenali sebagai Jho Low yang didakwa membuat penampilan di Dubai, memaklumkan bahawa beliau sedia bertemu dengan pasukan petugas yang menyiasat skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di negara tersebut.

Menurut laporan sebuah portal yang memetik sumber kerajaan, sebelum pertemuan itu, beberapa peguam Jho Low juga dijangka bertemu dengan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Dubai bagi membincangkan perkara berhubung siasatan yang boleh dibantu oleh anak guam mereka.

Laporan itu turut mendakwa, peguam Jho Low telah mengesahkan bahawa perbincangan dengan pihak berkuasa Malaysia sudah bermula, namun sumber tersebut enggan mendedahkan maklumat lanjut mengenainya.

Menurut laporan itu lagi, pihak berkuasa Malaysia yakin ahli perniagaan yang berasal dari Pulau Pinang itu boleh membantu dalam usaha mendapatkan semula dana atau aset yang dibeli dengan dana 1MDB.

Laporan itu turut menjelaskan pasukan petugas yang menyiasat 1MDB percaya bahawa beliau boleh mengesan aset-aset lain termasuk barang kemas mewah yang disorok.

Sebelum ini, memetik laporan Bloomberg pada 7 Jun lalu, Jho Low telah pun menyatakan kesediaannya untuk membantu siasatan berhubung skandal 1MDB selepas dipanggil oleh SPMR.

Jho Low dikatakan sudah mengarahkan peguamnya untuk menghubungi SPRM selepas dimaklumkan bahawa suruhanjaya berkenaan mencarinya bagi membantu siasatan kes tersebut.

Pentadbiran kerajaan baharu di bawah Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meletakkan siasatan terhadap 1MDB sebagai keutamaan untuk mendakwa bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr. Mahathir baru-baru ini juga berkata, kerajaan mengetahui di mana lokasi ahli perniagaan itu berlindung namun sukar untuk menangkapnya.

18 Jun 2018

12. Bazar Ramadan: SPRM perlu siasat hingga ke lubang cacing



KETUA Pemuda PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dalam sidang akhbar selepas membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan penyalahgunaan kuasa sewaan tapak bazar Ramadan di ibu pejabat SPRM di Putrajaya hari ini.

PUTRAJAYA 18 JUN- Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terperinci mengenai dakwaan penyalahgunaan kuasa berhubung sewaan tapak bazar Ramadan di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Ketua Pemuda PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, pihaknya melalui Ahli Majlis Tertinggi PPBM, Dr. Muhammad Faiz Na'aman juga telah membuat laporan polis berhubung kontroversi melibatkan Ketua Pemuda PPBM Bukit Bintang, Mohd. Noorhisyam Abdul Karim itu.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan bertoleransi dan berkompromi dengan sebarang penyalahgunaan kuasa yang dilakukan mana-mana pihak dalam PPBM termasuk kepimpinan tertinggi dan sekiranya bersalah tindakan tegas perlu diambil tanpa mengira pangkat dan jawatan.

"Kita melalui Muhammad Faiz telah membuat laporan polis berkaitan isu ini pada 14 Jun lalu dan hari ini Mohd. Noorhisyam sendiri telah membuat laporan polis bagi mempertahankan dirinya, itu hak dia untuk membuat laporan polis dan siasatan lanjut perlu dilakukan.

"Laporan kepada SPRM hari ini bagi membolehkan siasatan dibuat secara menyeluruh sehingga ke 'lubang cacing', kita tidak mahu ada sebarang penyalahgunaan kuasa membabitkan PPBM. Sekarang adalah Malaysia baharu dan perkara seumpama ini perlu dielakkan," katanya ketika ditemui pemberita selepas membuat laporan kepada SPRM berhubung isu berkenaan di sini hari ini.

Sebelum ini, Mohd. Noorhisyam dituduh mengutip wang sewaan tapak sehingga RM5,000 daripada peniaga bazar di Jalan Masjid India selain didakwa menyalahgunakan hubungan politiknya untuk mendapatkan 80 lot bazar dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Surat dari DBKL kepada Mohd Noorhisyam menunjukkan bahawa 80 lot telah diluluskan selama sembilan hari dengan bayaran hanya RM6,238, turut terseret dalam skandal tersebut adalah Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun kerana beliau menulis surat kepada DBKL yang menyokong permohonan Mohd. Noorhisyam untuk menyewa lot terbabit.

19 Jun 2018

13. Lagi laporan minta SPRM siasat skandal tapak bazar Ramadan



AHLI Majlis Tertinggi PPBM, Dr. Muhammad Faiz Na'amani (dua dari kanan) bercakap kepada pemberita mengenai isu penyalahgunaan kuasa politik oleh seorang pemimpin Pemuda parti itu berhubung sewa tapak bazar Ramadan di Kuala Lumpur sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya.

PUTRAJAYA 19 Jun - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat terperinci dakwaan skandal salah guna kuasa dan penyelewengan tapak Bazar Ramadan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikatakan membabitkan salah seorang pemimpin pemuda PPBM.

Gesaan tersebut dibuat oleh Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM yang juga Ketua Biro Integriti, Anti Rasuah dan Salah Guna Kuasa Pemuda PPBM, Dr. Muhammad Faiz Na'amani bersama wakil-wakil Pemuda PPPBM yang membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini.

Menurut Dr. Muhammad Faiz, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu yang menggunakan jawatan politik untuk terlibat dalam skandal salah laku dan penyelewengan kuasa.

"Kami harap pihak berkuasa termasuk polis dan SPRM dapat mencari dalang sebenar kes itu. Tindakan disiplin akan diambil sekiranya benar ahli kami terbabit dalam skandal itu," katanya kepada pemberita ketika ditemui di luar Ibu Pejabat SPRM di sini hari ini.

Semalam, Ketua Pemuda PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman membuat laporan bagi meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terperinci mengenai dakwaan penyalahgunaan kuasa yang dikatakan membabitkan Ketua Pemuda PPBM Bukit Bintang, Mohd Noorhisyam Abd Karim.

Media sebelum ini melaporkan Mohd. Noorhisyam dituduh mengutip wang sewaan tapak sehingga RM5,000 daripada peniaga bazar di Jalan Masjid India selain didakwa menyalahgunakan hubungan politiknya untuk mendapatkan 80 lot bazar dari DBKL.

Surat dari DBKL kepada Mohd Noorhisyam menunjukkan bahawa 80 lot telah diluluskan selama sembilan hari dengan bayaran hanya RM6,238 dan turut terseret dalam skandal tersebut adalah Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun kerana beliau menulis surat kepada DBKL yang menyokong permohonan Mohd. Noorhisyam untuk menyewa lot terbabit.

Dalam pada itu, ujar Dr. Muhammad Faiz, pihak PPBM turut membuat siasatan dalaman mengenai isu tersebut dengan laporan disiplin sudah dikemukakan oleh PPBM Bahagian Bukit Bintang.

"Kami memandang serius terhadap mana-mana ahli yang menggunakan jawatan politik untuk memohon tender membabitkan perniagaan samada ia dilakukan atas niat kebajikan mahupun kepentingan peribadi," katanya.

14. Mengapa baru timbul isu dana pinjaman PTPTN? - Idris Ahmad

KUALA LUMPUR 19 Jun - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ijok, Dr. Idris Ahmad mempersoalkan tentang dakwaan penyelewengan dana pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membiayai yuran pengajian pelajar Kolej Vision Kelana Jaya yang dikaitkan dengannya ditimbulkan ketika pemilihan Menteri Besar Selangor yang baru.

Sambil menafikan tuduhan itu, beliau melihat dakwaan tidak berasas itu berniat jahat dan dilakukan untuk menjaskan reputasi baik sebagai wakil rakyat serta kerjayanya sebagai doktor pakar.

Malah, beliau percaya dakwaan tersebut mempunyai agenda tersembunyi di sebalik pencalonan namanya sebagai Menteri Besar Selangor baharu bagi menggantikan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Saya difahamkan dakwaan ini ditularkan menerusi pelbagai platform media sosial sejak beberapa ketika dan saya hanya mendapat tahu petang semalam.

"Hasil semakan saya dengan pihak pengurusan Kolej Vision, saya mendapat pengesahan bahawa kolej tersebut tidak pernah mengalami sebarang masalah apatah lagi dakwaan salah laku berkaitan PTPTN atau Kementerian Pendidikan Tinggi, sejak ditubuhkan pada Julai 2005.

"Rekod saya bersih dan bebas rasuah, malah pernah mengisytihar harta juga. Apa motif sebenar penularan dakwaan ini? Mengapa disebarluaskan pada saat-saat akhir sebelum Majlis Angkat Sumpah Menteri Besar Selangor baharu?" katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di kediamannya dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Kolej Vision, Datuk Lee Wee Loong.

Dakwaan yang tersebar menerusi media sosial baru-baru ini antara lain turut menuduh Idris sebagai pemilik Kolej Vision, selain mendakwa bekas Ketua Pegawai Operasi kolej berkenaan telah membuat laporan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung perkara tersebut.

Mengulas lanjut Idris berkata, beliau hanya mengetahui mengenai dakwaan tersebut pada pukul 3 petang kelmarin melalui laman Facebook dan aplikasi WhatsApp.

Selain itu kata beliau, sebagai rekod, beliau merupakan salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Kolej Vision sejak 2005 dan masih mengekalkan pegangan saham sebanyak 35 peratus.

Tambahnya, kolej tersebut ditubuhkan bertujuan membantu masyarakat mendapatkan pendidikan dalam bidang perubatan.

"Merandangkan dakwaan ini amat serius, saya telah membuat laporan polis di Balai Polis Kota Damansara pada kira-kira pukul 7 malam pada hari yang sama dan kemudian dinasihatkan membuat susulan ke Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK) di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya.

"Saya akan mengambil tindakan undang-undang demi membersihkan nama saya. Perbuatan fitnah ini harus dihentikan," ujarnya.

15. Kabinet tubuh jawatankuasa siasat isu monopoli di tiga kementerian**Dr. Dzulkefly Ahmad**

PUTRAJAYA 20 Jun - Kabinet bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat isu monopoli melibatkan tiga kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, jawatankuasa tersebut akan diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

"Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju menubuhkan jawatankuasa itu selepas ketiga-tiga kementerian yang terlibat membangkitkan isu kewujudan monopoli dalam kementerian," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan mengalu-alukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan mengenai dakwaan wujudnya monopoli bekalan ubat-ubatan di negara ini.

21 Jun 2018

16. Dijel 36 bulan, denda

KUALA TERENGGANU 20 Jun - Bekas Pengarah Perhutanan Terengganu, Datuk Azmi Nordin dihukum penjara 36 bulan dan denda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini setelah didapati bersalah atas tiga pertuduhan menerima rasuah RM60,000, lima tahun lalu.



AZMI NORDIN dijatuhi hukuman penjara 36 bulan dan denda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen, Kuala Terengganu, semalam. UTUSAN/Farid Janudin

Hakim Mohammad Haldar Abdul Aziz turut memerintahkan tertuduh yang berusia 59 tahun itu dihukum penjara lagi 18 bulan jika gagal menjelaskan denda tersebut.

Mengikut pertuduhan pertama, Azmi didakwa menerima suapan RM30,000 daripada seorang kontraktor balak, Yew Keong Fah, 49, di Malayan Banking Berhad cawangan Kuala Terengganu pada 3 Mac 2013.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa menerima suapan RM20,000 daripada individu sama di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) cawangan Kuala Terengganu pada 16 Jun 2013, manakala pertuduhan ketiga, dia didakwa menerima suapan RM10,000 daripada Keong Fah di tempat sama pada 13 Ogos 2013.

Azmi didakwa menerima wang suapan itu untuk memberi kelulusan membalaik kepada syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn. Bhd. di Kompartmen 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu.

Ketiga-tiga pertuduhan dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Farah Yasmin Salleh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Bagi setiap pertuduhan, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 atau penjara enam bulan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Hukuman diperintah berjalan serentak.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan permohonan ter- tuduh yang diwakili peguam, Mohd. Hayyatuddin Muhamad untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan selesai.

17. 'Saya tidak harus dipersalah dalam kes 1MDB'

BUAT PENJELASAN: Datuk Najib memberi penjelasan mengenai kes 1MDB selain beg mewah dan wang tunai jutaan dolar yang dirampas daripada rumahnya dalam wawancara dengan Reuters pada Selasa lalu.

Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan mantan perdana menteri Datuk Seri Najib Razak memainkan peranan utama dalam dakwaan rasuah melibatkan dana kerajaan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Dr Mahathir berkata tuduhan yang boleh dikenakan ke atas Datuk Najib termasuk penggelapan wang, mencuri wang kerajaan, menghilangkan wang kerajaan dan menggunakan wang kerajaan untuk memberi rasuah. Berikut Datuk Najib memberi respons beliau. Najib dakwa penasihatnya serta pengurusan dan lembaga pengarah 1MDB rahsiakan penyelewengan dana yang didakwa kerajaan baru

LANGKAWI: Mantan perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau tidak sepatutnya dipersalahkan berkaitan skandal berbilion ringgit membabitkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), dan beliau tidak tahu apa-apa tentang wang dana kerajaan itu yang muncul dalam akaun peribadinya.

29 Jun 2018

18. Pengarah syarikat direman lima hari berhubung projek tenaga solar di Sarawak

SEORANG pengarah syarikat direman lima hari bagi membantu siasatan berkaitan projek membekal dan memasang panel tenaga solar kepada 369 buah sekolah di Sarawak membabitkan kos RM1.25 bilion.

PUTRAJAYA 29 Jun - Seorang pengarah syarikat direman lima hari bagi membantu siasatan berkaitan projek membekal dan memasang panel tenaga solar kepada 369 buah sekolah di Sarawak membabitkan kos RM1.25 bilion.

Suspek merupakan individu ketiga ditahan reman berkaitan kes berkenaan setakat ini.

Perintah reman suspek bermula hari ini hingga 3 Julai depan dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas memberikan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek yang berusia 39 tahun itu ditahan semalam di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya kira-kira jam 7.45 malam selepas hadir untuk memberi keterangan.

Kelmarin, dua suspek termasuk seorang pengarah syarikat ditahan reman selama enam hari hingga Isnin ini bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

Kementerian Pendidikan sebelum ini memulakan siasatan dalaman berhubung projek membekal panel tenaga solar kepada 369 buah sekolah di Sarawak membabitkan kos RM2.5 bilion yang diberikan kepada syarikat berpangkalan di Bintulu.

Pengagihan projek berkenaan didakwa dilakukan oleh seorang bekas pemimpin bekas negara yang meluluskan secara tanpa tender terbuka.

Projek itu dianugerahkan kepada syarikat di Bintulu dan didakwa melanggar prosedur biasa Kementerian Pendidikan.

29 Jun 2018

19. Kementerian Kesihatan semak rekod kontraktor

DZULKEFLY AHMAD (tengah) diberi penerangan oleh Dr. Zainudin Mohd. Ali (dua dari kiri) mengenai kerja-kerja menyiapkan Hospital Rembau, hari ini.

REMBAU 29 Jun - Keupayaan, rekod kerja, pengalaman dan kejayaan kontraktor menjadi kriteria penting yang dinilai Kementerian Kesihatan dalam pemberian kontrak pembinaan terutamanya melibatkan hospital pada masa depan.

Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, ini penting bagi mengelakkan kerajaan terpaksa berdepan dengan masalah projek yang lambat disiapkan hingga terpaksa menanggung kos tambahan.

Sehingga kini, katanya, terdapat 23 projek untuk kementerian itu termasuk klinik dan hospital di seluruh negara yang dikategorikan sebagai projek sakit.

"Sesuatu projek itu dianggap sakit jika ia mengalami kelewatan lebih daripada 20 peratus. Sebahagian daripada projek yang lewat ini diberikan secara runding terus," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat tapak projek Hospital Rembau, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Zainudin Mohd. Ali.

Dzulkefly memberitahu, beliau akan menjelajah untuk melihat satu persatu semua 23 projek yang berada dalam zon merah tersebut.

Jelasnya, kementeriannya akan memastikan semua projek berkenaan diberi perhatian serius dan amaran tegas akan diberikan kepada kontraktor supaya menyiap dan menyerahkan projek mengikut tempoh masa yang diberikan.

"Kita boleh ambil tindakan menamatkan kontrak tetapi jika diberikan kepada kontraktor lain, ia akan mengambil masa lebih panjang untuk disiapkan selain kos tambahan yang perlu ditanggung kerajaan," ujarnya.

Mengenai pembinaan Hospital Rembau yang lewat selepas dimulakan pada 2013, beliau berkata, pihaknya menjangka ia dapat disiapkan dalam suku pertama tahun depan walaupun pihak kontraktor yakin dapat melakukannya menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, kos asal projek hospital yang mempunyai 76 katil itu ialah RM96 juta tetapi telah meningkat kepada RM104 juta akibat kelewatan tersebut.

"Ini adalah salah satu projek dalam pemerhatian saya. Ia pernah termasuk dalam kategori merah tetapi sekarang sudah dipulihkan dan siap lebih 80 peratus," katanya. -

30 Jun 2018

20. Pembekuan akaun UMNO sehingga siasatan 1MDB selesai

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga Anggota Parlimen Langkawi menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Parlimen Langkawi di Kompleks Sukan LADA, Kuah, hari ini. Turut hadir, isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

LANGKAWI 30 Jun - Pembekuan akaun beberapa organisasi termasuk UMNO akan dilakukan sehingga siasatan ke atas penyelewengan 1MDB oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selesai.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa, SPM akan menjalankan siasatan terperinci berhubung perkara itu termasuk mengenalpasti sumber kewangan organisasi terlibat.

"Kita nak tahu duit yang datang dari UMNO itu yang beratus juta itu daripada mana jika ia (sumber) daripada 1MDB maka duit itu harus dibagi balik.

"Kita sedang jejak asas duit yang mereka (UMNO) ambil," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Aidilfitri PDM Makam Mahsuri, di sini hari ini.

Akhbar melaporkan Pasukan Petugas Khas (Task Force) 1MDB mengesahkan membekukan sejumlah akaun milik individu dan beberapa organisasi termasuk UMNO.

Pasukan tersebut dalam satu kenyataan berkata, turut dibekukan ialah akaun parti-parti politik lain yang dipercayai terlibat dengan penyelewengan dana 1MDB serta akaun milik persatuan dan syarikat yang juga terlibat dalam siasatan kes tersebut.